

07 NOV 2002
Snap-Mawan/I

KUMPULAN MAWAN ADAKAN MESYUARAT SELASA DEPAN MENGENAI PARTI BARU

KUCHING, 7 Nov (Bernama) -- Sekumpulan pemimpin kanan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang dibubarkan, diketuai Datuk William Mawan Ikom, akan mengadakan mesyuarat mengenai pembentukan sebuah parti baru pada 12 Nov.

Mawan, Menteri Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, memberitahu pemberita demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri di sini hari ini.

Beliau berkata mesyuarat itu merupakan tindakan susulan kumpulannya untuk mendapatkan sokongan bagi penubuhan Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP) berikutan pembatalan pendaftaran Snap oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) Datuk Ismail Dolah Harun pada Selasa.

Mawan yang mahukan ROS mempercepatkan kelulusan SPDP, berkata mesyuarat itu akan dihadiri kesemua anggota majlis Snap di seluruh negeri.

"Kami sedang cuba mengumpulkan kesemua mereka secepat mungkin. Kami akan memberitahu akhbar mengenai tempat dan masa mesyuarat itu," katanya.

Beliau berkata kumpulannya tidak lagi berhasrat untuk merayu kepada ROS mengenai pembubaran Snap berikutan kenyataan yang menggalakkan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir berkata Snap yang dibatalkan pendaftarannya, yang merupakan sebuah daripada empat parti komponen BN Sarawak, perlu dipulihkan dengan membentuk parti baru.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata gabungan itu bersedia untuk menimbang menerima parti baru berkenaan sekiranya ada permohonan dibuat.

Mengenai tawaran menjadi anggota sementara dalam mana-mana antara tiga parti komponen BN negeri, Mawan berkata permohonan rasmi oleh kesemua lima anggota Dewan Undangan Negeri dan empat anggota Parlimen telah dihantar kepada Dewan Tertinggi BN negeri hari ini dan terserah kepada Abdul Taib untuk membuat keputusan.

Beliau berkata kumpulannya juga telah mengemukakan nama anggota Dewan Undangan Negeri Limbang Richard Wong, dengan harapan tindakan itu dihargainya.

Tiga parti komponen BN negeri itu ialah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

-- BERNAMA

FLL RON